

ISU DALAMAN
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN NEGERI JOHOR

NO	ISU DALAMAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
1	Ekonomi 1.1 Sumber Kewangan	Kekangan kewangan menyebabkan penggantian aset pergigian dan penambahan aset tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, aset di fasiliti pergigian digunakan melebihi tahap optimum. Hal ini menyebabkan aset pergigian seperti kerusi pergigian, autoklaf, dan mesin X-ray kerap mengalami kerosakan atau tidak berfungsi pada tahap yang sepatutnya.	Kesan negatif: Perkhidmatan pergigian tidak dapat diberikan secara optimum kepada pelanggan.	Dikekalkan
	1.2 Caj rawatan	Caj rawatan seperti dentur, tampalan dan cabutan yang amat murah menyebabkan bilangan pesakit yang tinggi di fasiliti pergigian.	Kesan positif: Peningkatan bilangan pesakit ke fasiliti pergigian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Hal ini menunjukkan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan menunjukkan peningkatan. Kesan negatif: Bebanan kerja anggota yang semakin meningkat	Dikekalkan

NO	ISU DALAMAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
2	Teknologi 2.1 Sistem DIS Klinikal	Peralihan dari sistem OHCIS ke sistem DIS Klinikal di Klinik Pergigian Primer dan Klinik Pakar <i>Non-Hospital based</i> .	Kesan Positif: 1. Mewujudkan one stop centre bagi penyimpanan rekod pesakit di seluruh Malaysia 2. Mengurangkan implikasi kewangan negeri dan daerah kerana pembelian kad rawatan yang kurang digunakan. 3. Mempercepatkan proses kerja dari pendaftaran pesakit sehingga kompilasi reten Kesan negatif: Memerlukan intra ICT yang lengkap seperti perkakasan ICT dan juga capaian internet.	Kemaskini isu
	2.2 Penggunaan Media Sosial	Penggunaan media sosial seperti website Jabatan dan Facebook Jabatan bagi menyampaikan maklumat kepada orang ramai.	Kesan positif: Dapat meningkatkan penyebaran maklumat yang tepat dan benar. Kesan negatif : Menjejaskan imej organisasi dan warga kerja sekiranya berlaku penyebaran maklumat yang tidak sah atau aduan yang tidak berasas	Dikekalkan

NO	ISU DALAMAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
3	Perundangan 3.1 Nota klinikal	Penulisan nota klinikal yang tidak lengkap	Kesan negatif: berpotensi menjadi kes medikolegal	Dikekalkan
	3.2 Lantikan dan Latihan pegawai RPO dan Osh-C	Keperluan mematuhi Akta Tenaga Atom (Akta 304) dan Akta KKP	Kesan positif: Memastikan pekerja dan pesakit dalam keadaan selamat Kesan negatif: Kos latihan yang tinggi	Isu baru
4	Perubahan kepimpinan	Perubahan kepimpinan disebabkan arahan pusingan kerja, persaraan dan pertukaran penempatan	Kesan positif: Dapat meningkatkan kepuasan kerja dan komitmen pekerja terhadap organisasi Kesan negatif: Memerlukan masa dan penyesuaian bagi latihan skop kerja baharu di peringkat awal.	Isu baru
5	Infrastruktur 5.1 Kenderaan yang usang	Kenderaan rasmi jabatan telah melebihi jangka hayat ekonomi, iaitu berumur lebih daripada 10 tahun dan kerap mengalami kerosakan mekanikal.	Kesan positif: Menjadi justifikasi kukuh bagi permohonan peruntukan kenderaan baharu. Kesan negatif: kos pembaikan yang tinggi, perkhidmatan terjejas dan meningkatkan risiko kemalangan.	Isu baru

No	ISU DALAMAN	KETERANGAN	KESAN TERHADAP ORGANISASI	CATATAN
	5.2 Aset tidak berfungsi secara optimum	Aset kritikal pergigian kerap rosak dan tidak beroperasi secara optimum akibat faktor usia dan penggunaan melebihi kapasiti.	Kesan positif: Menggalakkan aktiviti kreativiti dan inovasi di kakitangan anggota untuk memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada dan menjadi asas permohonan aset baharu. Kesan negatif: Mengganggu kelancaran rawatan, memanjangkan masa menunggu pesakit, dan menjejaskan kualiti perkhidmatan.	Isu baru